

05/09/2002

Dr Othman lepas jawatan pengerusi eksekutif MDC

TAN Sri Dr Othman Yeop Abdullah, dikatakan sudah melepaskan jawatannya sebagai Pengerusi Eksekutif yang juga Ketua Eksekutif Multimedia Development Corporation Sdn Bhd (MDC).

Sumber-sumber memberitahu Berita Harian, Othman melepaskan jawatannya itu pada 1 September lalu tetapi akan kekal berkhidmat sebagai pengerusi bukan eksekutif MDC.

Katanya, Naib Presiden Kanan MDC, Datuk Dr Mohamed Arif Nun akan mengambil alih sementara tugas yang dikosongkan Othman itu sebagai pemangku ketua eksekutif.

Peletakan jawatan Othman mengejutkan banyak pihak kerana beliau dipercayai baru memperbaharui kontrak jawatannya untuk tempoh sekurang-kurangnya setahun lagi.

Biasanya tempoh dua tahun diberikan kepada penyandang jawatan berkenaan, tetapi Othman dipercayai memohon dipendekkan tempoh itu atas alasan kesihatan.

Selain itu, pengunduran Othman juga mengejutkan kerana Mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) MSC, bermula hari ini sehingga akhir minggu ini.

Sumber itu berkata, pengumuman pengunduran Othman akan dibuat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, esok.